

15 OCT 2003

Tunisia-Malaysia/I

RAKYAT M'SIA DILANTIK SEBAGAI KONSUL KEHORMAT PERTAMA

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Pengarah urusan sebuah syarikat tempatan, Peter Sze Tian Keng, hari ini dilantik sebagai Konsul Kehormat pertama Tunisia ke Malaysia.

Sze, 51, pengarah urusan Pengedar Bahan Pertanian Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik jutawan Malaysia Tan Sri Robert Kuok, menerima surat pelantikannya daripada Menteri Hal Ehwal Luar Tunisia Habib Ben Yahia pada satu majlis ringkas di sebuah hotel di sini.

Surat pelantikan itu adalah daripada Presiden Tunisia Zine El Abidine Ben Ali.

Ben Yahia yang hadir pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam ke-10 di Putrajaya, dalam ucapannya berkata Sze akan membantu Duta Besar Tunisia ke Malaysia, Mohamed Mouldi Kefi yang berpejabat di Jakarta, Indonesia.

Beliau berkata keputusan melantik seorang konsul kehormat di Malaysia bertujuan meningkatkan hubungan dua hala sedia ada antara kedua-dua negara dalam semua bidang, terutama perdagangan, pendidikan dan pelancongan.

Tunisia, negara Mediterranean di utara Afrika, boleh menjadi pintu masuk penting bagi barangan Malaysia ke pasaran Eropah, katanya.

Ben Yahia berkata menerusi jawatan konsul kehormat itu, beliau berharap hubungan antara kedua-dua negara akan ditingkatkan di semua peringkat dan bukan sekadar di peringkat kerajaan.

Lebih-lebih lagi katanya Malaysia dan Tunisia berkongsi pandangan yang sama mengenai Islam, dengan kedua-duanya merupakan negara Islam yang sederhana.

Ben Yahia juga menyifatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin Islam yang moden dan sederhana yang berjaya membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara Islam yang moden dan stabil.

"Beliau telah melaksanakan tugas yang mengagumkan, terutama dalam membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara Islam yang canggih," katanya.

-- BERNAMA

NER AHH LAT